

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/ 10.12/2 .Jld.2 (33)

6 Januari 2014
4 Rabiulawal 1435

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 3/2014

PEMINDAHAN PUSAT TRANSFORMASI KOMUNITI UTM (*UTM COMMUNITY TRANSFORMATION CENTRE* - UTM CTC) KE PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PEMBANGUNAN)

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 23/2013 bertarikh 26 Disember 2013 telah bersetuju meluluskan pemindahan Pusat Transformasi Komuniti UTM (*UTM Community Transformation Centre* - UTM CTC) ke Pejabat Timbalan Naib Canselor (Pembangunan). Antara fungsi UTM CTC adalah seperti berikut:-


- 1) Berfungsi sebagai 'focal point' mengenai perkara-perkara berkaitan libatsama komuniti.
 - 2) Merangka, menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan program.
 - 3) Mencari dana untuk tujuan pelaksanaan aktiviti dan menyelaras peruntukan program yang diperolehi.
 - 4) Mewujudkan dan memantapkan jaringan perkongsian pintar dengan pihak industri, NGO dan agensi kerajaan.
 - 5) Mengumpul dan melaporkan program yang sesuai kepada kementerian. Wakil UCTC yang telah dinamakan bertanggungjawab untuk melapor kepada kementerian setiap dua (2) bulan sekali mengikut format pelaporan yang disediakan.
2. Untuk makluman, UTM CTC sebelum ini dikenali sebagai Unit Tanggungjawab Sosial Universiti (*University Social Responsibility – USR*) di bawah pengurusan Pejabat Hal Ehwal Korporat. Bagi tujuan komunikasi pula, alamat surat menyurat dan lokasi UTM CTC masih menggunakan maklumat Unit USR.

3. Sehubungan itu, semua staf diminta mengambil maklum mengenai perubahan ini dan segala urusan berkaitan UTM CTC hendaklah mengambilkira perubahan yang telah dilakukan. Pekeliling Pentadbiran ini adalah berkuatkuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN

Pendaftar

- s.k
- YBhg. Naib Canselor
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
 - Bendahari
 - Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah